

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1	SEMAKAN PESALAH JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK DALAM DAFTAR KANAK-KANAK	2
2	PERKHIDMATAN BANTUAN KEWANGAN	3
3	PENUBUHAN TASKA	8
4	KEMASUKAN KANAK-KANAK TIDAK TERKAWAL KE INSTITUSI JKMM	10
5	PERKHIDMATAN PEMULIHAN AKHLAK	11
6	PERKHIDMATAN ORANG KURANG UPAYA	12
7	KEMASUKAN KE RUMAH SERI KENANGAN	14
8	KEMASUKAN KE RUMAH EHSAN	15
9	KEMASUKAN KE DESA BINA DIRI	16
10	KES KEGANASAN RUMAHTANGGA	17
11	KES PENDERAAN KANAK-KANAK	18
12	PERKHIDMATAN ANAK PELIHARA	19
13	PERKHIDMATAN KAUNSELING	21
14	PERKHIDMATAN BERKAITAN KANAK-KANAK DAN KELUARGA	22
15	TINDAKAN PENGUATKUASAAN TASKA DAN PUSAT JAGAAN	23
16	OPERASI MENYELAMAT PENGEMIS	24

**Isi Kandungan 1: SEMAKAN PESALAH JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK  
DALAM DAFTAR KANAK-KANAK**

**1. Bagaimanakah caranya untuk membuat semakan?**

- Hadir ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/Daerah yang berdekatan;
- Kemukakan kad pengenalan dan dokumen sokongan untuk pendaftaran;
- Isi borang permohonan; (Muat turun borang [disini](#)) – **LAMPIRAN 1**
- Pegawai akan menyemak nombor kad pengenalan individu yang dirujuk.

**2. Berapa lama tempoh menunggu untuk mendapatkan maklum balas carian?**

Keputusan carian akan diperolehi dalam masa 5 hari bekerja.

**3. Bagaimanakah keputusan maklumat carian disampaikan kepada pemohon?**

Keputusan carian akan disampaikan secara terus kepada pemohon yang hadir ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri atau melalui emel/faks/surat sama ada **ADA REKOD** atau **MEMERLUKAN SEMAKAN LANJUT**. Keputusan semakan lanjut akan dihantar kepada pemohon dalam tempoh 25 hari bekerja.

*Tarikh Kemaskini : 16/04/2019*

*Sumber Rujukan : <http://www.jkm.gov.my/>*

**Isi Kandungan 2: PERKHIDMATAN BANTUAN KEWANGAN**

**1. Adakah bantuan kewangan JKM layak dipertimbangkan kepada pemohon yang berstatus Pemastautin Tetap (PR)?**

Bantuan kewangan JKM tidak layak dipertimbangkan kepada pemohon yang berstatus Pemastautin Tetap (PR).

**2. Adakah bantuan kewangan JKM boleh dipertimbangkan kepada keluarga / penjaga yang mempunyai anak yang masih belum disahkan status kewarganegaraan?**

Bantuan kewangan JKM tidak layak dipertimbangkan kepada keluarga / penjaga sehinggalah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengesahkan status kewarganegaraan kanak-kanak tersebut kecuali Bantuan Anak Pelihara yang tertakluk kepada punca kuasa pemeliharaan adalah dari Program Anak Pelihara JKM dan Akta Kanak-Kanak 2001.

**3. Terdapat beberapa buah keluarga yang tinggal bersama-sama. Adakah keluarga tersebut layak memohon satu bantuan untuk semua isi rumah atau setiap keluarga boleh memohon bantuan secara berasingan?**

Setiap keluarga boleh memohon secara berasingan. Pengiraan bilangan keluarga adalah mengikut bilangan Ketua Isi Rumah. Bantuan boleh diberi berdasarkan kepada keluarga atau individu mengikut skim bantuan yang ditetapkan sekiranya memenuhi syarat kelayakan.

**4. Adakah Bantuan Kanak-Kanak (BKK) layak diberikan kepada keluarga / penjaga yang sedang dalam proses mendaftar lewat kelahiran kanak-kanak dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)?**

BKK layak diberikan sekiranya keluarga / penjaga adalah warganegara Malaysia.

**5. Adakah Bantuan Kanak-Kanak (BKK) boleh diberikan kepada pelajar yang mengikuti Matrikulasi/ Asasi?**

Tidak layak dipertimbangkan bagi mereka yang mengikuti program Matrikulasi/ Asasi kerana pelajar tersebut telah mendapat pembiayaan dari Pihak Kerajaan/ Pinjaman seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

**6. Bolehkah seorang kanak-kanak bertaraf warganegara yang dipelihara oleh ibu bapa yang bukan warganegara menerima Bantuan Kanak-Kanak (BKK)?**

Bantuan boleh dipertimbangkan atas nama kanak-kanak berkenaan, dengan syarat

kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia.

**7. Adakah gaji minimum penerima Elaun Pekerja Cacat (EPC) ditetapkan kerana terdapat penerima EPC yang menerima upah yang sangat minimum RM5/ RM10 sehari?**

Tiada had gaji minimum ditetapkan.

**8. Adakah OKU yang berumur 16 tahun dan masih bersekolah layak memohon Elaun Pekerja Cacat (EPC)?**

Tidak layak kerana pemohon masih berstatus pelajar sekolah.

**9. Siapakah yang layak mengesahkan OKU yang bekerja sendiri?**

Pengesahan OKU yang bekerja sendiri oleh pihak yang berautoriti seperti Pengerusi Majlis Perwakilan Komuniti Kampung (MPKK)/ Penghulu/ Penggawa/ Ketua Kampung/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/ Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah atau Pegawai Kes.

**10. Adakah OKU yang menjalani latihan pratikal layak menerima Elaun Pekerja Cacat (EPC)?**

Tidak layak. Ini adalah kerana OKU yang menjalani latihan praktikal masih berstatus pelatih.

**11. Berapakah had umur OKU yang layak diberikan Elaun Pekerja Cacat (EPC)?**

OKU yang berumur 16 tahun dan ke atas. Tiada had umur maksimum selagi OKU tersebut bekerja dan menepati syarat yang telah ditetapkan dalam pemberian EPC.

**12. Adakah OKU yang bekerja di kedai atau syarikat milik ibu bapa layak menerima Elaun Pekerja Cacat (EPC)?**

OKU tersebut layak diberikan EPC sekiranya menepati syarat yang telah ditetapkan.

**13. Adakah penerima Elaun Pekerja Cacat (EPC) layak diberikan Bantuan Alat Tiruan/ Alat Sokongan (BAT)/ Bantuan Geran Pelancaran (BGP) memandangkan syarat BAT dan BGP diberikan kepada mereka yang berpendapatan di bawah PGK Miskin Semasa?**

Penerima EPC layak diberikan BAT/ BGP kerana golongan ini merupakan kumpulan sasaran dan penerima bantuan JKM.

- 14. Adakah OKU/ Pesakit Kronik Terlantar yang menerima manfaat Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT) boleh dipertimbangkan bantuan lain Seperti BTB, BOT atau lain-lain bantuan?**

Penerima bantuan hanya layak dipertimbangkan satu (1) bantuan bulanan sahaja.

- 15. Adakah waris yang menghantar pesakit kronik terlantar ke *nursing home* layak untuk menerima Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)?**

Tidak layak kerana waris tidak memberi penjagaan sepenuhnya kepada pesakit kronik tersebut.

- 16. Adakah pusat jagaan yang berdaftar atau tidak berdaftar layak menerima Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT) jika mereka menjaga OKU terlantar atau pesakit kronik terlantar?**

Tidak layak kerana BPT hanya diberikan kepada waris atau individu yang menjaga pesakit atau OKU yang terlantar di dalam persekitaran keluarganya (rumah kediaman).

- 17. Adakah kadar bantuan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT) ditentukan berdasarkan perkiraan bilangan OKU terlantar atau pesakit kronik terlantar yang dijaga?**

Kadar BPT ditentukan mengikut bilangan OKU terlantar atau pesakit kronik terlantar yang dijaga iaitu sebanyak RM350 seorang.

- 18. Adakah seorang isteri yang menerima Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT) kerana menjaga suaminya yang terlantar dan mempunyai 10 orang anak layak menerima Bantuan Kanak-Kanak (BKK)?**

BKK tidak boleh diluluskan di atas nama isteri yang telah menerima BPT. Walau bagaimanapun, BKK boleh dipertimbangkan atas nama anak yang paling dewasa sekiranya memenuhi kelayakan BKK.

- 19. Adakah warga emas gelandangan yang tiada alamat rumah/ menggunakan alamat rumah transit/ alamat orang lain layak dipertimbangkan Bantuan Orang Tua (BOT)?**

Tidak layak bagi pemohon yang tidak mempunyai alamat rumah dan menggunakan alamat rumah transit atau alamat orang lain. Setiap pemohon bantuan perlu membuktikan di mana pemohon tinggal sebelum permohonan diproses ataupun

diluluskan.

**20. Adakah warga emas sebatang kara menumpang di rumah orang lain yang berpendapatan melebihi PGK Isi Rumah Semasa layak dipertimbangkan Bantuan Orang Tua (BOT)?**

Layak dipertimbangkan berdasarkan siasatan dan justifikasi yang kukuh seperti menumpang di rumah orang lain bagi membolehkan warga emas tersebut terus tinggal dalam komuniti.

**21. Adakah setiap ahli isi rumah juga perlu mengemukakan pengesahan pendapatan masing-masing bagi setiap permohonan bantuan?**

Pemohon bantuan sahaja yang perlu mengemukakan pengesahan pendapatannya manakala maklumat pendapatan ahli isi rumah lain dibuat berdasarkan siasatan.

**22. Adakah wang perbelanjaan yang diberikan oleh anak adalah termasuk dalam PGK Isi Rumah Semasa?**

PGK Isi Rumah Semasa mengambilkira semua sumber yang mendatangkan pendapatan.

**23. Adakah keluarga yang mengambil kanak-kanak yang bukan warganegara layak dipertimbangkan Bantuan Anak Pelihara (BAP)?**

Penjaga yang mengambil kanak-kanak yang bukan warganegara tidak layak menerima BAP.

**24. Adakah keluarga yang memperolehi anak pelihara berstatus *stateless* melalui Program Anak Pelihara JKM atau melalui Perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dipertimbangkan Bantuan Anak Pelihara (BAP)?**

Boleh dipertimbangkan kerana punca kuasa pemeliharaan adalah dari Program Anak Pelihara JKM dan Akta Kanak-Kanak 2001.

**25. Adakah keluarga lain yang menjaga kanak-kanak yang kematian ibu bapa (yatim piatu) layak dipertimbangkan Bantuan Anak Pelihara (BAP)??**

Keluarga tersebut layak menerima BAP sekiranya ahli keluarga tersebut adalah keluarga ganti kepada kanak-kanak melalui surat atau laporan siasatan JKM.

**26. Adakah klien yang terlantar boleh memohon Bantuan Alat Tiruan/ Alat Sokongan (BAT) yang tidak tersenarai di dalam Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan**

**Persekutuan (GPPBKP)?**

Klien yang terlantar boleh mendapatkan sokongan daripada Pegawai Perubatan sekiranya alat tiruan/ sokongan yang diperlukan tidak tersenarai dalam GPPBKP.

**27. Bolehkah mesin Brailled dan cermin mata khas diberikan kepada OKU yang berumur 18 tahun ke bawah?**

Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan 2018, mesin Brailled dan cermin mata khas hanya layak diberikan kepada OKU yang berumur 18 tahun ke atas manakala OKU yang berumur 18 tahun ke bawah perlu mendapatkan syor daripada Pegawai Perubatan.

**28. Adakah warga emas yang mengalami masalah pendengaran disebabkan faktor usia boleh memohon Bantuan Alat Tiruan/ Alat Sokongan (BAT)?**

BAT boleh dipertimbangkan tetapi perlu diteliti dari segi keperluan dengan justifikasi yang kukuh.

**29. Adakah penjawat awam layak dipertimbangkan Bantuan Alat Tiruan/ Alat Sokongan (BAT) untuk anaknya?**

Penjawat awam tidak layak dipertimbangkan BAT kerana mereka tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 - Peraturan Permohonan

Perbelanjaan Kemudahan Perubatan.

Tarikh Kemaskini : 22/01/2020

Sumber Rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 3: PENUBUHAN TASKA**

**1. Bagaimanakah proses pendaftaran TASKA?**

Jabatan Kebajikan Masyarakat bertindak sebagai 'final agency' bagi pengeluaran Perakuan Pendaftaran TASKA. Ini bermakna sebelum suatu Perakuan itu dikeluarkan, kelulusan dari agensi-agensi teknikal yang lain perlu diperolehi.

**2. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN**

- a) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS).
- b) Memenuhi standard minimum Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- c) TASKA memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi teknikal seperti berikut:
  - Pihak Berkuasa Tempatan
  - Jabatan Bomba dan Penyelamat
  - Jabatan Kesihatan
  - Jabatan Tanah dan Survei (Sarawak sahaja)

**3. STANDARD MINIMUM JKM**

Standard minimum yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- a) Nisbah pengasuh dengan kanak-kanak hendaklah mencukupi seperti Jadual berikut;

b)

Umur (tahun)	Kanak-kanak normal	Kanak-kanak berkeperluan khas
0 – 1	1 : 3	2:3
1 – 3	1 : 5	2:5
3 – 4	1 : 10	3 : 10

- c) Pengasuh merupakan warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas;
- d) Pengusaha hendaklah hadir dan lulus Kursus Asas asuhan Kanak-kanak (KAAK)/ Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA (KAP) yang diiktiraf oleh JKM;
- e) Pengasuh hendaklah hadir dan lulus KAAK/KAP atau lulus KAP dalam tempoh 12 bulan bekerja;



- f) Mematuhi nisbah kanak-kanak dengan ruang lantai iaitu
  - o 2.5 meter persegi bagi seorang kanak-kanak bagi TASKA di Rumah; atau
  - o 3.5 meter persegi bagi seorang kanak-kanak bagi TASKA Institusi; TASKA Tempat di Kerja dan TASKA Komuniti.
- g) Menyedia dan mempamerkan jadual menu makanan yang seimbang dan jadual aktiviti harian mengikut peringkat umur kanak-kanak;
- h) TASKA mempunyai kemudahan peralatan dan perabot yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan kanak-kanak;
- i) Menyedia dan menyenggara rekod-rekod di TASKA;
- j) Menjaga kebersihan dan keselamatan dalam dan luar premis TASKA;
- k) Memasang CCTV di TASKA;
- l) Apa-apa syarat lain yang difikirkan patut dan sesuai oleh Ketua Pengarah atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.

#### **4. PROSEDUR PERMOHONAN PENDAFTARAN TASKA**

Seseorang yang ingin memohon pendaftaran TASKA boleh mengambil langkah-langkah berikut:

- a) Konsultasi dan permohonan pendaftaran boleh dibuat melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di mana TASKA tersebut akan ditubuhkan;
- b) Permohonan pendaftaran yang lengkap akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja;
- c) Bayaran fi pendaftaran dikenakan;
  - o RM50.00 bagi TASKA Di Rumah atau
  - o RM250.00 bagi TASKA Institusi; TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Komuniti.
- d) Kelulusan Sijil Perakuan Pendaftaran TASKA akan dikeluarkan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri (PKMN) yang berkenaan. Sebarang pembetulan terhadap sijil tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari;
- e) Tempoh sah pendaftaran adalah selama 60 bulan (5 tahun); dan
- f) Senarai TASKA berdaftar boleh disemak di laman web [www.jkm.gov.my/](http://www.jkm.gov.my/).

*Tarikh Kemaskini : 18/02/2020*

Sumber Rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 4: KEMASUKAN KANAK-KANAK TIDAK TERKAWAL KE INSTITUSI JKMM**

**Bagaimanakah caranya untuk memasukkan kanak-kanak tidak terkawal (beyond parental control) atau nakal ke Institusi Pemulihan JKM?**

- 1) Ibu bapa atau penjaga yang sah bagi kanak-kanak, boleh membuat permohonan bertulis kepada Mahkamah Bagi Kanak-kanak dengan menyatakan mohon bantuan pemulihan terhadap tingkah laku yang sering dilakukan oleh anak yang tidak terkawal. Tingkah laku itu mungkin mendorong kepada bahaya jenayah atau mendorong kepada bahaya moral. Berdasarkan surat permohonan itu mahkamah akan mengarahkan Pegawai Kebajikan Masyarakat / Pegawai Akhlak menyiasat keadaan sebenar dengan menyediakan satu Laporan Akhlak. Mahkamah akan menetapkan satu tarikh untuk bersidang dengan kehadiran pemohon, anak yang tidak terkawal dan Pegawai Akhlak. Mahkamah boleh membuat keputusan samada:
  - 2) Memerintahkan kanak-kanak diletak dalam Pengawasan Pegawai Akhlak dalam tempoh tertentu. Satu hingga tiga tahun. Boleh juga mengenakan syarat tinggal di Asrama Akhlak tidak lebih satu tahun. Selepas tinggal di asrama kanak-kanak akan diawasi selama tempoh baki Perintah Pengawasan yang ada. Jika kanak-kanak masih mengulangi tingkah laku negatif, boleh dihantar ke Sekolah Tunas Bakti.
  - 3) Menghantar kanak-kanak itu ke Sekolah Tunas Bakti selama 3 tahun. Selepas keluar dari institusi pulang ke pangkuan keluarga, kanak-kanak masih diselia oleh Pegawai Akhlak selama satu tahun. Jika melanggar syarat yang ditetapkan boleh dikembalikan semula ke institusi.

*Tarikh Kemaskini : 03/08/2016*  
Sumber Rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 5: PERKHIDMATAN PEMULIHAN AKHLAK**

**1. Apakah Prosedur kemasukan ke Pusat Pemulihan?**

- a) Prosedur pertama ialah dengan mendapat arahan atau perintah dari Mahkamah.
- b) Prosedur kedua ialah dengan secara sukarela.

**2. Apakah bidang kemahiran yang ditawarkan oleh Pusat Pemulihan?**

Kemahiran yang berbentuk latihan TVET dalam pelbagai bidang contohnya jahitan, bakeri, multimedia.

**3. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Pegawai Akhlak sekiranya kanak-kanak yang telah dimasukkan ke Pusat Pemulihan lari beberapa kali dari pusat tersebut?**

- a) Pegawai Akhlak hendaklah menasihati ibubapa kanak-kanak supaya berbincang dengan pihak Institusi dan memberitahu kesan ke atas kanak-kanak dan ibubapa sekiranya cuba menyembunyikan kanak-kanak tersebut.

b) Perkhidmatan yang akan diberikan kepada keluarga yang mempunyai anak bermasalah

- c) Perkhidmatan kaunseling Memasukkan kanak-kanak ke Institusi Kebajikan untuk proses pemulihan (sebagai jalan terakhir sekiranya tiada alternatif lain).

**4. Apakah perbezaan di antara Asrama Akhlak dengan Sekolah Tunas Bakti?**

Asrama Akhlak merupakan satu tempat sebagai percubaan dalam memulihkan akhlak kanak-kanak yang diperintahkan selama 1 tahun manakala Sekolah Tunas Bakti merupakan tempat yang tetap selama 3 tahun.

**5. Apakah perbezaan di antara Sekolah Tunas Bakti dengan Taman Seri Puteri ?**

Sekolah Tunas Bakti merupakan tempat Institusi yang menempatkan kanak-kanak yang mempunyai tingkah laku yang tidak terkawal lelaki dan perempuan dan yang telah melakukan kesalahan jenayah manakala Taman Seri Puteri merupakan Institusi yang hanya menempatkan gadis-gadis berumur bawah 18 tahun yang lebih cenderung kepada pelacuran.

*Tarikh Kemaskini : 15/01/2020*

Sumber Rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>

## Isi Kandungan 6: PERKHIDMATAN ORANG KURANG UPAYA

### 1. Mengapa Orang Kurang Upaya (OKU) digalakkan mendaftar dengan JKM?

Sebab utama adalah seperti berikut:

- a) Supaya kerajaan dapat mengetahui bilangan sebenar dan taburan OKU di negara ini bagi maksud perancangan perkhidmatan, program pemulihan, intervensi awal, pencegahan, latihan dan pendidikan.
- b) Supaya kerajaan dapat merancang kesesuaian program-program latihan, pendidikan dan pemulihan bagi golongan kurang upaya.
- c) Supaya kerajaan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan yang bertepatan dengan OKU.
- d) Supaya kerajaan dapat mengenalpasti OKU mengikut jenis-jenis kecacatan atau sebagai kad pengenalan diri bagi mereka berurusan dengan pihak-pihak berkenaan.
- e) Supaya OKU dapat menggunakan kemudahan-kemudahan dan keistimewaan oleh kerajaan.
- f) Supaya OKU mendapat maklumat program-program latihan, pendidikan dan pemulihan bagi golongan kurang upaya.

### 3. Adakah pendaftaran OKU wajib?

Pendaftaran OKU adalah atas dasar sukarela dan hanya untuk warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Agensi yang terlibat dalam pendaftaran adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

### 4. Adakah perkara berkaitan pendaftaran OKU boleh dilakukan secara *on-line sepenuhnya*?

Tidak. Sehingga sekarang permohonan pendaftaran OKU hanya boleh dibuat secara online menerusi SMOKU sehingga tahap pengisian borang. Borang yang diisi perlu dicetak dan dibawa kepada pegawai perubatan untuk pengesahan.

### 5. Apa itu SMOKU?

Sistem Pengurusan Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) merupakan sebuah sistem yang dibangunkan bagi semua aktiviti yang merangkumi pengurusan Orang Kurang Upaya (OKU) termasuk permohonan bagi pendaftaran OKU. Mulai 1 Ogos 2011, pendaftaran OKU telah dilakukan melalui Sistem Pengurusan Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU). SMOKU dibangunkan untuk memudahkan proses pendaftaran dan pengurusan Orang Kurang Upaya (OKU) dan sebagai sistem penyimpanan maklumat

OKU bagi kegunaan pendaftaran OKU (peringkat PKMD). Modul SMOKU (Fasa I) merangkumi Pendaftaran OKU, pepadanan kerja, pepadanan kursus/latihan dan laporan / statistik. Manakala Modul SMOKU (Fasa II) meliputi perluasan pengeluaran dan percetakan Kad OKU ke 15 negeri seluruh Malaysia;

*Tarikh Kemaskini : 30/01/2020*

Sumber Rujukan:<http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 7: KEMASUKAN KE RUMAH SERI KENANGAN**

**Bagaimana cara untuk memohon kemasukan Ke Institusi Warga Emas (Rumah Seri Kenangan) dan apakah syarat-syarat yang diperlukan ?**

- a) Cara untuk memohon kemasukan ke Rumah Seri Kenangan adalah seperti berikut :
1. Permohonan kemasukan warga emas ke Rumah Seri Kenangan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah akan memproses permohonan menggunakan sistem e-JKM dan dihantar kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri untuk semakan, ulasan dan sokongan.
  2. Selepas itu, permohonan tersebut dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat untuk pertimbangan kelulusan.
  3. Kelulusan kemasukan ke Rumah Seri Kenangan bergantung kepada kekosongan tempat dan syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan akan dimaklumkan sebaik sahaja ada kekosongan.
  4. Syarat Kemasukan Ke Institusi Warga Emas (Rumah Seri Kenangan)
    1. Berumur 60 tahun dan ke atas
    2. Berupaya mengurus diri sendiri
    3. Tidak menghidap penyakit berjangkit
    4. Tidak mempunyai tempat tinggal tetap
    5. Tiada pendapatan
    6. Tidak mempunyai sanak saudara/waris
  5. Walau bagaimanapun, Institusi Kebajikan bagi Warga Emas (Rumah Seri Kenangan) adalah jalan terakhir bagi membantu warga emas yang terabai dan memerlukan perlindungan, mereka yang memerlukan bantuan perlindungan boleh hadir sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah untuk memohon memasuki Rumah Seri Kenangan.
  6. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah akan mengadakan siasatan permohonan warga emas berkenaan dan menyediakan laporan lengkap bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.
- b) Selain daripada itu, terdapat satu lagi kaedah kemasukan ke Rumah Seri Kenangan iaitu melalui perintah mahkamah. Mana-mana pengemis / kutu rayau berumur 60 tahun dan ke atas yang diselamatkan melalui Akta Orang Papa 1977 akan diperintahkan oleh mahkamah untuk dimasukkan ke RSK. Tempoh kemasukan ke RSK adalah selama 3 tahun.

*Tarikh Kemaskini : 30/01/2020*

Sumber Rujukan:<http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 8: KEMASUKAN KE RUMAH EHSAN**

**Bagaimana cara untuk memohon kemasukan Rumah Ehsan (Rumah Pesakit Melarat) dan apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk kemasukan ke Rumah Ehsan?**

- a) Syarat-syarat kemasukan :
1. Tidak berupaya mengurus diri sendiri
  2. Disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan sebagai pesakit melarat
  3. Tidak menghidap penyakit berjangkit
  4. Tiada pendapatan
  5. Tidak mempunyai sanak saudara/waris
- b) Cara untuk memohon kemasukan ke Rumah Ehsan adalah seperti berikut :  
Permohonan kemasukan warga emas ke Rumah Ehsan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah akan memproses permohonan menggunakan sistem e-JKM dan dihantar kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri untuk semakan, ulasan dan sokongan.
- c) Selepas itu, permohonan tersebut dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat untuk pertimbangan kelulusan.
- d) Kelulusan kemasukan ke Rumah Ehsan bergantung kepada kekosongan tempat dan syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan akan dimaklumkan sebaik sahaja ada kekosongan.

Tarikh Kemaskini : 30/01/2020  
Sumber Rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 9: KEMASUKAN KE DESA BINA DIRI**

**Kemasukan ke Desa Bina Diri melalui 2 cara:**

1. Kemasukan secara sukarela melalui kelulusan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dan permohonan kemasukan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Syarat kemasukan

- 1.1 Berumur 18 tahun ke atas
  - 1.2 Tidak mempunyai sanak saudara atau penjag
  - 1.3 Tiada pendapatan
  - 1.4 Tiada tempat tinggal yang tetap
  - 1.5 Tidak mengidap penyakit berjangkit
2. Kemasukan mengikut Akta Orang-Orang Papa 1977 melalui perintah mahkamah di bawah seksyen 3(2) dan seksyen 3(4) bagi seseorang orang papa yang diselamatkan.

Tarikh Kemaskini : 30/01/2020  
Sumber Rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>



**Isi Kandungan 10: KES KEGANASAN RUMAHTANGGA**

**1. Bagaimanakah caranya untuk melaporkan kes keganasan rumahtangga?**

Mangsa keganasan rumahtangga boleh melaporkan kejadian keganasan terhadapnya ke:

- Balai Polis yang berhampiran atau pengaduan boleh dibuat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan yang berhampiran
- Menghubungi Talian Kasih 15999
- Merujuk terus ke hospital yang berhampiran sekiranya dcederakan

**2. Siapakah yang boleh memohon Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)?**

Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) boleh dipohon secara ex-parte oleh - Seksyen 3A(3)

(a) Mangsa itu;

(b) Peguam mangsa itu; atau

(c) Dalam hal jika mangsa itu ialah seorang kanak-kanak atau dewasa tidak berkeupayaan, penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab bagi menjaga kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan itu, atau seorang pegawai kebajikan masyarakat selain Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa (PKMDBK)

**3. Berapa lamakah tempoh Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)?**

Sesuatu Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) hendaklah sah **selama tempoh tujuh hari** dari tarikh pengeluaran perintah itu, dan berkuatkuasa apabila suatu salinan perintah itu disampaikan kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat mengikut seksyen 3B atau 3C Akta A1538

**4. Di manakah Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) boleh dimohon?**

Seksyen 3A(4) - Perintah Perlindungan Kecemasan boleh dimohon di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang:

(a) Mangsa tinggal

(b) Orang yang terhadapnya perlindungan itu diminta tinggal

(c) Keganasan rumahtangga yang dikatakan berlaku

(d) Mangsa itu ditempatkan buat sementara

**5. Keadaan bagaimana Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) boleh dipohon?**

Perintah Perlindungan Kecemasan boleh dimohon apabila terdapat perlakuan mana-mana berikut:

(a) Secara sengaja meletakkan mangsa dalam ketakutan kecederaan fizikal

(b) Menyebabkan kecederaan fizikal

Tarikh Kemaskini : 12/06/2018

Sumber Rujukan:<http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 11: KES PENDERAAN KANAK-KANAK**

**Bagaimanakah caranya untuk melaporkan kes penderaan kanak-kanak / kes pembuangan bayi?**

- Talian telefon Talian Kasih 15999.
- Melaporkan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat yang berhampiran dengan tempat tinggal pelapor.
- Melaporkan kepada mana-mana balai polis / Pondok Polis yang berhampiran.
- Mana-mana ahli Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak / Pusat Aktiviti kanak-Kanak yang terdapat di kawasan berlakunya penganiayaan.
- Merujuk terus ke hospital yang berhampiran.

*Tarikh Kemaskini : 11/04/2017*

Sumber Rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 12: PERKHIDMATAN ANAK PELIHARA**

**1. Apakah proses-proses yang perlu dilakukan oleh bakal si ibu atau si bapa?**

Bagi individu yang berminat untuk memohon anak pelihara, permohonan boleh dilakukan dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dimana pemohon bermaustautin/tinggal ataupun melalui borang yang boleh dimuat turun dari laman web ini.

Antara dokumen-dokumen yang perlu disertakan adalah:

- Gambar ukuran pasport (suami/isteri)
- Surat sokongan/pengesahan daripada Pegawai Perubatan.
- Salinan sijil nikah/sijil pendaftaran perkahwinan.
- Salinan kad pengenalan pemohon (suami dan isteri).
- Lain-lain dokumen yang berkaitan seperti penyata gaji dll.

Setelah permohonan diterima, pemohon akan melalui satu sesi temuduga bersama Pegawai Kebajikan Masyarakat bagi tujuan penyediaan laporan sosial pemohon. Perkara-perkara yang akan di bincangkan dalam sesi tersebut adalah seperti berikut:-

- Menilai latar belakang sosial pemohon.
- Menilai kesanggupan pemohon menjadi keluarga pelihara.
- Menjelaskan tentang implikasi menjadi keluarga pelihara.
- Kesanggupan pemohon memenuhi syarat mengikut Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 dan Akta Pengangkatan 1952 yang mana bersesuaian.

**2. Siapakah yang boleh memohon pengambilan anak pelihara?**

Pasangan suami-isteri yang sah, ibu tunggal (single parents) yang menetap/ tinggal di Malaysia.

**3. Bila dan bagaimanakah anak angkat dapat disahkan sebagai anak pelihara mengikut undang-undang?**

- Permohonan boleh dibuat dalam masa tiga bulan selepas menerima kanak-kanak dalam penjagaan pemohon. Permohonan hendaklah dibuat kepada Mahkamah Seksyen atau Mahkamah Tinggi dengan melantik peguam untuk urusan mendaftarkan Notis Pengangkatan. Akta yang digunakan bagi proses

pengesahan pengangkatan cara ini adalah merujuk kepada Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257).

- Permohonan cara kedua adalah dengan membuat permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara di bawah Akta Pendaftaran Anak Angkat 1952 (Akta 253). Permohonan untuk pengesahan ini hanya boleh dibuat selepas dua tahun anak pelihara dalam penjagaan keluarga pelihara. Bagi keluarga yang beragama Islam permohonan untuk pengesahan anak pelihara hanya boleh dibuat melalui Akta 253, iaitu Akta Pendaftaran Pengangkatan sahaja. Permohonan untuk pengesahan pengangkatan hanya boleh dibuat selepas dua tahun anak pelihara berada dalam jagaan pemohon. Permohonan boleh dibuat di Pejabat Pendaftaran Negara.

**4. Adakah menjadi satu kesalahan memelihara anak pelihara tanpa membuat pendaftaran atau memaklumkan kepada JKM?**

Pengambilan anak pelihara secara sendiri perlu dimaklumkan kepada JKM mengikut seksyen 35(1) Akta kanak-Kanak 2001 tidak lewat daripada 1 minggu selepas pengambilan, dan sekiranya gagal memaklumkan, dan jika disabitkan kesalahan denda maksima adalah sebanyak RM10,000.00 atau 2 tahun penjara, atau kedua-duanya sekali.

*Tarikh Kemaskini : 03/08/2017*

Sumber Rujukan:<http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 13: PERKHIDMATAN KAUNSELING**

**1. Siapa yang boleh mendapatkan perkhidmatan kaunseling?**

Individu, ibubapa, keluarga, remaja, OKU dan warga tua yang memerlukan.

**2. Bagaimanakah caranya untuk mendapatkan khidmat kaunseling?**

(i) Anda boleh datang sendiri ke mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Negeri yang berhampiran dengan anda.

(ii) Anda boleh menghubungi melalui telefon untuk mendapatkan tarikh temujanji.

(iii) Melalui surat menyurat.

(iv) Melalui E-mel

**3. Perlukah kaunseling diberikan kepada kanak-kanak yang bermasalah?**

Perlu kerana masalah bukan sahaja datang dari kanak-kanak itu sendiri tetapi juga daripada faktor persekitaran seperti ibubapa, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling.

**4. Apakah tindakan yang diambil setelah kanak-kanak menghadiri sesi kaunseling bagi kes tidak terkawal tetapi tidak menunjukkan sebarang perubahan?**

Kaunselor akan mengadakan perbincangan dengan ibubapa kanak-kanak. Kaunselor akan mengadakan kaunseling bersama keluarga tersebut. Sekiranya masih tidak menunjukkan sebarang perubahan, kanak-kanak akan dirujuk kepada Bahagian Perkhidmatan Akhlak untuk tindakan selanjutnya.

*Tarikh Kemaskini : 03/10/2019*

Sumber Rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 14: PERKHIDMATAN BERKAITAN KANAK-KANAK DAN KELUARGA**

**1. Apakah kriteria-kriteria yang diperlukan oleh seseorang yang ingin memohon anak angkat?**

- Warganegara Malaysia.
- Mempunyai pendapatan yang tetap.
- Tidak mempunyai penyakit yang memudaratkan.
- Keutamaan kepada pemohon yang telah berkahwin dan tidak mempunyai anak.

**2. Apakah bentuk keganasan yang membolehkan seseorang mangsa mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara mengikut Akta Keganasan Rumahtangga 1994?**

Mangsa yang menghadapi kecederaan fizikal ataupun yang merasakan dirinya ketakutan.

**3. Apakah tindakan yang perlu diambil jika terdapat kes pengabaian atau penderaan terhadap kanak-kanak?**

- Menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat yang berdekatan.
- Menghubungi polis.
- Memaklumkan kepada Ketua Penduduk Setempat.

**4. Dalam keadaan yang bagaimanakah seseorang klien boleh memohon Perintah Perlindungan (PO)?**

Mangsa boleh memohon perintah tersebut di mahkamah semasa prosiding jenayah dibuat ke atas pendera dan telah dipertuduhkan mengikut kesalahan yang ditakrifkan dalam "Keganasan rumahtangga".

Tarikh Kemaskini : 09/08/2016  
Sumber Rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 15: TINDAKAN PENGUATKUASAAN TASKA DAN PUSAT JAGAAN**

**1. Apakah tindakan penguatkuasaan yang dikenakan kepada taska dan pusat jagaan tidak berdaftar?**

1. Kompaun
2. Lak premis
3. Pendakwaan di mahkamah

Hukuman bagi kesalahan taska dan pusat jagaan tidak berdaftar ialah denda tidak melebihi rm 10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua, pengusaha/pengendali boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi rm 20,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

**2. Apakah tindakan penguatkuasaan yang dikenakan kepada taska dan pusat jagaan yang berdaftar?**

1. Arahan bertulis ketua pengarah kebajikan
2. Arahan tutup sementara
3. Kompaun
4. Pendakwaan di mahkamah
5. Pembatalan pendaftaran

Tarikh Kemaskini : 17/05/2018  
Sumber Rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>

**Isi Kandungan 16: OPERASI MENYELAMAT PENGEMIS**

**1. Apakah tindakan kepada pengemis dan kutu rayau**

- Melalui aduan yang diterima dan operasi yang dijalankan secara berjadual dan bersepadu pihak jabatan akan mengambil tindakan meyelamatkan pengemis dan kutu rayau. Berdasarkan akta orang papa 1977 pengemis yang diselamatkan akan dimasukkan ke institusi kebajikan untuk penjagaan dan pemulihan selama tempoh tidak lebih 3 tahun.
- Bagi pengemis bukan warganegara akan diserahkan kepada jabatan imegresen untuk tindakan mengikut bidang kuasa mereka.
- Bagi pengemis kanak-kanak tindakan akan diambil mengikut akta kanak-kanak 2001.

Tarikh kemaskini : 12/06/2018  
Sumber rujukan: <http://www.jkm.gov.my/>